

Covid-19
3,309 Kes baharu
11 Kluster baharu
4 Kematian
Berita di muka 4 & 5

PEMERIKSAAN KHAS
Utusan Malaysia

DARURAT

• Kuasa mutlak pada Agong • Muhyiddin tetapan Perdana Menteri

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**
hafiz.yusoff@utusan.com.my

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mempunyai kuasa mutlak di bawah perintah darurat yang membolehkan baginda memutuskan keputusan penting termasuk memasyhurkan ordinar jika Parlimen tidak boleh bersidang serta wujud keadaan yang memerlukan tindakan segera.

Pakar Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain berkata, undang-undang juga boleh digubal tanpa mematuhi peruntukan sedia ada dalam Perlembagaan Persekutuan yang dinamakan Ordinan menerusi Yang di-Pertuan Agong.

Selain itu katanya, Seri Paduka mempunyai kuasa untuk melantik Perdana Menteri interim sekiranya Tan Sri Muhyiddin Yassin meletak jawatan dalam tempoh darurat ini.

"Apa yang penting Ordinan itu tidak bercanggah dengan peruntukan yang menyentuh agama, warganegara dan bahasa serta tidak memperluaskan kuasa Parlimen dalam perkara hukum syarak, adat Melayu dan adat anak-anak negeri di Sabah serta Sarawak."

Bersambung di muka 2



PENGUSAHA tanaman hiasan, Mohd. Riban Zainon, 48, (tiga dari kiri) dan pekerja-penonton Perutusan Khas Darurat oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin Kedah, semalam. Perintah darurat dikuatkuasakan sehingga 1 Ogos berikutan peruntukan perlembagaan. - UTUSAN/SHAHIP

Hanya calon peperiksaan dibenar belajar bersemita